



# **KENYATAAN MEDIA**

## **KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)**

### **MAJLIS PERASMIAN PROJEK PEMULIHARAAN PANTAI DAN PEMBAIKAN KUALITI AIR LAUT DI PANTAI BATU FERINGGHI, PULAU PINANG**

**12 JANUARI 2017**

---

1. YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar telah merasmikan Projek Pemuliharaan Pantai dan Pembaikan Kualiti Air Laut di Pantai Batu Feringghi, hari ini.
2. Turut hadir di majlis berkenaan ialah YBhg. Dato' Sri Azizan bin Ahmad, Ketua Setiasusaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan YBhg Dato' Sri Ir. Hj Zulkefli bin Hassan, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS).
3. Projek Pemuliharaan Pantai dan Pembaikan Kualiti Air Laut di Pantai Batu Feringghi, Pulau Pinang dan Projek Pembinaan Struktur Wetland di Sungai Satu merupakan sebuah projek Kerajaan Persekutuan yang bernilai RM13.05 juta. Kedua-dua projek ini merupakan sebuah projek yang cukup unik di mana kedua-dua komponen projek ini merupakan struktur yang pertama di Malaysia.
4. Pada tahun 2014, telah berlakunya pencemaran di pantai Batu Feringghi dengan kuantiti e.Coli yang cukup tinggi dikenalpasti di sepanjang persisiran pantai. Bagi tujuan menangani isu pencemaran ini, sejumlah RM10.85 juta telah disalurkan bagi pelaksanaan Projek Pemuliharaan

Pantai dan Pembaikan Kualiti Air Laut di Pantai Batu Feringghi, Pulau Pinang yang bertujuan untuk memulihkan masalah pencemaran yang berlaku serta sebanyak RM2.2 juta untuk pembinaan struktur “*wetland*” di Sungai Satu.

5. Dengan pelaksanaan projek ini, masalah penutupan muara di kedua-dua Sungai Feringghi dan Sungai Satu serta masalah hakisan pantai yang sangat aktif sepanjang tahun turut dapat diselesaikan disamping memulihara keadaan sungai dan pantai sedia ada di Batu Feringghi. Koordinasi diantara pihak berkuasa tempatan negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Jabatan Kesihatan dan agensi-agensi yang terlibat turut dijalankan sebagai langkah alternatif dalam menangani permasalahan ini.
6. Projek Pemuliharaan Pantai dan Pembaikan Kualiti Air Laut di Pantai Batu Feringghi, Pulau Pinang merupakan projek untuk memulihara pantai dan kualiti air laut di mana ianya merangkumi dua (2) buah terowong air atau “outfall” di sepanjang 120 meter bagi Sungai Batu Feringghi dan Sungai Satu serta penambakan pantai atau “beach nourishment” di sepanjang 800 meter dan selebar 30 meter.
7. Manakala Projek Pembinaan Struktur Wetland merupakan inisiatif Kerajaan Persekutuan dalam memulihkan isu pencemaran di Sungai Satu. Ianya merangkumi pembinaan dua buah wetland berkeluasan 480sqm, rumah pam serta struktur “Bio-Drain” yang berfungsi untuk memulihkan kualiti air di Sungai Satu melalui teknik tindak balas mikro-organisme dari kelas V ke kelas II.
8. Adalah menjadi harapan NRE dan JPS dengan wujudnya struktur-struktur kejuruteraan pertama yang juga telah direkabentuk sendiri oleh warga jurutera JPS dapat mengurangkan lagi isu pencemaran sungai dan pantai serta memulihkan keadaan pantai disekitarnya yang boleh dinikmati oleh penduduk dan pengunjung di sekitar Batu Feringghi dalam menjalankan aktiviti rekreasi dan riadah dengan lebih selesa dan sempurna serta mampu menjana peningkatan ekonomi pelancongan di kawasan Batu Feringghi dengan lebih baik.